

07 MAY 1996

PERLETAKAN JAWATAN OSMAN PROSEDUR BIASA, KATA WAN MOKHTAR

KUALA TERENGGANU, 7 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata tindakan Tan Sri Osman Aroff mengemukakan surat perletakan jawatan Menteri Besar Kedah merupakan satu prosedur biasa.

Ia satu prosedur biasa kerana setiap pemimpin akan bertukar, kata Wan Mokhtar ketika diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semalam bahawa Osman telah menyerahkan surat perletakan jawatannya.

"Biasalah. Bila dia letak jawatan, akan dilantik yang baru, itu sajalah," kata Wan Mokhtar kepada pemberita selepas makan malam sempena mesyuarat komander Askar Wataniah di sini malam tadi.

Ketika ditanya mengenai spekulasi bahawa beliau akan menuruti jejak Osman selepas ini, Wan Mokhtar berkata; "Macam-macam spekulasi boleh jadi...", tanpa mengulas lebih lanjut.

Spekulasi yang mengatakan Wan Mokhtar akan meletakkan jawatan tersebar sejak pilihan raya umum lepas terutama apabila bekas Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor diletakkan bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri. Dr Yusof kini ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Islam Negeri.

Wan Mokhtar telah memegang jawatan Menteri Besar lebih 20 tahun dan merupakan orang yang paling lama memegang jawatan itu di negara ini sekarang. -- BERNAMA

SBJ NMO